

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	29 APRIL 2015

# Kritikan rugikan rakyat

BH - 29/4/2015



Abdullah bersama Nik Mustapha (kanan) hadir pada majlis perasmian **Seminar Biodiversiti dan Konservasi: Krisis dan Cabaran Pelestarian Masa Hadapan** di IKIM, Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO SALHANI IBRAHIM/BH]

» PM berhak  
buat sebarang  
keputusan:  
Tun Abdullah

Oleh Mohd Hamizar Hamid  
mizar@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**K**ritikan terbuka bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap Datuk Seri Najib Razak disiiatkan tindakan yang tidak membawa faedah kepada UMNO dan rakyat.

Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi, berkata Najib sebagai Perdana Menteri kini perlu diberi mandat sepenuhnya untuk membuat sebarang keputusan.

"Perkara ini tidak ada kebaikan kepada parti (UMNO) dan kepada masyarakat serta semua yang terbabit.

"Semua buat kerja masing-

masing," katanya selepas merasmikan Seminar Biodiversiti dan Konservasi: Krisis dan Cabaran Pelestarian Masa Hadapan di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah IKIM, Datuk Nik Mustapha Nik Hassan.

Ditanya mengenai tindakan Dr Mahathir menamakan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai calon sesuai menggantikan jawatan Perdana Menteri, Tun Abdullah menyatakan beliau tidak berpihak kepada sesiapa.

"Biarlah apa yang Dr Mahathir nak cakap. Saya tak ada cakap sesiapa. Najib akan putuskan apa yang terbaik. Sebagai Perdana Menteri, dia bertanggungjawab sebab dia ketua.

"Siapa pim yang menjadi Perdana Menteri akan bertanggungjawab untuk menyampaikan apa yang penting. (Dalam hal ini) takkan dia (Najib) nak senyap aja, kena beritahulah," katanya.